

Masyarakat Bengalee hargai seni, budaya

Nyanyian, tarian dibuat setiap minggu



Misteri Etnik

**Azrul Affendy
Sobry**

azr@bharian.com.my

Siri kelima

JIWA dan darah seni? Benarkah begitu sedangkan mereka adalah golongan profesional. Jarang sekali dan selalunya orang berkerjaya besar tidak ada masa untuk seni, malah kurang jiwa seninya, apatah lagi jika masa lebih banyak dihabiskan di pejabat dan gaya pemikiran pula lebih serius kepada kerjaya.

Namun, ia bukan sekadar satu kenyataan semata-mata kerana memang ada sebabnya orang Bengalee begitu dekat dengan hal kesenian. Mereka bukan takut menjadi penggemar atau pencinta seni tetapi mereka masih aktif mengemulkannya sehingga kini, meskipun majoriti mereka berkerjaya besar.

Orang Bengalee masih aktif menyanyi, hebat juga dalam menari. Tidak kira apa bidang kerjaya mereka sama ada doktor, peguam atau akauntan, tidak pula menjadi masalah bagi mereka mengenakan sari dan menari mengikut irama lagu atau mengalunkan melodi merdu yang diiringi paluan gendang dan muzik penuh mengasyikkan.

Namun, jika diimbau sejarah masyarakat itu, nyata ada sebabnya mereka

ri. Malah, irama yang dicipta beliau cukup mengasyikkan untuk dihayati sesiapa saja. Indah dan membela jiwa. Oleh kerana itulah, masyarakat Bengalee masih mengekalkan seni budaya itu kerana ia terlalu indah.

Meskipun dikatakan Tagore hanya pernah sekali saja melawat negara ini iaitu pada sekitar 1940-an, namun pengaruh dan karya seninya digunakan orang Bengalee di sini merangkumi pelbagai lapisan usia. Itu pun kerana bukan Tagore yang menurunkan kemahiran itu tetapi disebabkan masih ramai wanita dari Benggala Barat dan kawasan lain di India dibawa masuk ke sini selepas berkahwin rakyat Malaysia.

Daripada mereka inilah seni Tagore berkembang. Malah, hampir setiap minggu ada kelas nyanyian dan tarian yang dikendalikan oleh warga India yang kini menetap di sini selepas dikahwini lelaki Bengalee Malaysia. Penerimaan masyarakat ini terhadap aktiviti latihan kesenian ini juga hebat kerana setiap kali sesi itu diadakan, khalayaknya tidak pernah mengecewakan.

Jurulatih tarian, Sohini Chakraborty, 38, adalah seorang daripada contohnya. Dia datang ke negara ini selepas berkahwin dengan lelaki Bengalee Malaysia. Kini, seni tarian Bengalee yang cukup unik dikongsi dengan semua lapisan usia dan mereka sudah cukup hebat untuk mempersembhkannya kepada khalayak.

Menurutnya tarian yang diilhamkan Tagore bukan terkongkong dalam satu



LAGU disampaikan diiringi muzik penuh mengasyikkan.

yang lemah gemalai menyampaikan maksud penuh percintaan dan ada yang rancak menggambarkan penceritaan berbeza.

"Kebanyakan tarian Tagore ada ceritanya. Ada yang diadun dalam bentuk drama tari. Kisah yang disampaikan dalam rentak dan langkah tarian. Itulah keunikan utama tarian Tagore. Menontonnya umpama kita sedang menghayati satu kisah sama ada percintaan atau perjuangan. Kerana itu, penari juga pernah pandai berlakon.

"Dalam masyarakat Bengalee, gabungan pelbagai tarian klasik juga sangat popular. Antara tarian yang terkenal seperti Kathak, Bharatnatyam, Orissi, Kuchipudi dan Kathakali. Juga ada dua jenis tarian etnik iaitu Chou dan Bihu. Selain tarian tradisional itu, kami turut mencipta tarian kreatif tetapi menggunakan muzik dan irama yang dicipta Tagore.

"Apa yang menjadikan tarian Tagore

nyakannya adalah gabungan. Disebabkan cintanya kepada keindahan dan kecantikan, Tagore sentiasa hasilkan sesuatu yang indah selepas melihat apa yang menyentuh hatinya. Beliau gemar gabungkan apa saja gaya dan langkah, namun pasti menarik," katanya.

Jurulatih nyanyian, Ranjita Roy, 41, juga dibawa masuk ke Malaysia selepas berkahwin dengan Presiden Persatuan Bengalee Malaysia, Prodeep Roy, menumpukan kepada kelas nyanyian yang juga menggunakan lagu ciptaan Tagore memabitkan semua lapisan usia dan kerjaya, juga lelaki dan wanita.

"Sejak Februari lalu kami sudah aktif mengadakan latihan untuk dipersembahkan dalam Hari Memperingati 150 tahun kelahiran Rabindranath Tagore. Dalam kumpulan nyanyian ini, kebanyakannya perempuan, ada yang bekerja sebagai peguam. Semuanya berpendidikan tinggi.

itu, nyata ada sebabnya mereka begitu menghargai seni. Ini adalah kerana salah seorang tokoh kesenian terkenal dunia, Rabindranath Tagore, berasal daripada masyarakat Bengalee. Nama Tagore, pemenang anugerah nobel kesenian bukan saja gah di India tetapi seantero dunia.

Nukilan dan ciptaan lagu serta puisi Tagore yang dikatakan cukup unik kini menjadi halwa telinga mereka saban ha-

Tagore bukan terkongkang dalam satu genre tarian India saja kerana berdasarkan pengalaman tokoh itu, pelbagai rentak dan gaya tarian dari segenap pelosok dunia digabungkan mengikut irama yang mengekalkan identiti India.

Berbeza dengan identiti tarian India yang selalunya digambarkan dalam filem Hindustan di mana ia ditarikan dengan rancak mengikut irama Bhangra, tarian Tagore mengadun pelbagai rentak. Ada

apa yang menjadikan tarian Tagore unik ialah kerana meskipun beliau dari Benggala tetapi tariannya bukan semata-mata tarian India. Pengalamannya merantau ke seluruh pelosok dunia membolehkan beliau mengadunkan pelbagai jenis tarian. Ada yang diambil daripada gaya negara barat, tarian Jawa dan banyak lagi.

"Beliau tidak pula menggunakan satu jenis langkah tarian saja kerana keba-

ngat tinggi. "Setiap tahun, kami adakan persembahan sebegini. Bukan hanya sempena majlis itu tetapi juga dalam beberapa keramaian lain. Ketika dipersembahkan, identiti India begitu terserlah kerana selain memakai pakaian Bengalee, alat muzik juga begitu dekat dengan India seperti harmonika, tabla, tanpura, bina, sita, seruling dan ektala," tambah Sohini.



oo

Kebanyakan tarian Tagore ada ceritanya. Ada yang diadun dalam bentuk drama tari. Kisah disampaikan dalam rentak dan langkah tarian. Itulah keunikan utama tarian Tagore. Menontonnya umpama kita sedang menghayati satu kisah sama ada percintaan atau perjuangan. Kerana itu, penari juga perlu pandai berlakon. Dalam masyarakat Bengalee, gabungan pelbagai tarian klasik juga sangat popular. Antara tarian yang terkenal seperti Kathak, Bharatnatyam, Orissi, Kuchipudi dan Kathakali

Sohini Chakraborty
Jurulatih tarian

Lagu, tarian ciptaan Tagore terus dikagumi

SEMUA terhimpun dalam satu. Padat dengan emosi dan mengkhayalkan. Itulah gambaran paling tepat jika menghayati rentak lagu dan langkah gerak tari dipersembahkan dalam tarian Tagore yang kini menjadi satu persembahan kebudayaan utama masyarakat Bengalee.

Lagunya ada cerita. Penyampaian dan lontaran emosi oleh penyanyinya pula penuh penghayatan. Itu sudah cukup kuat untuk mengangkat seni tari dan lagu itu terus diminati dan digilai semua orang Bengalee selain selalu dipersembahkan dalam pelbagai upacara perayaan serta keagamaan.

"Ada sedih, motivasi dan ada juga kelakar. Jika cerita dalam lagu itu bertemakan romantik, penonton boleh terpukau, khayal dengan emosi romantik yang dilontarkan. Lagu dan tarian itu pula disampaikan dalam bentuk penceritaan menjadikan ia lebih unik dan seronok ditonton.

"Selalunya, setiap Mei dan Jun tarian Tagore akan dipersembahkan. Bukan saja di Malaysia, di seluruh India ada persembahan ini terutama ketika menyambut ulang tahun kelahiran lelaki unik ini. Malah, lagu Tagore juga digunakan secara meluas dalam perkahwinan dan acara rasmi orang Bengalee.

"Bagi mereka yang gemarkan emosi dalam lagu, sesuai sangat dengar lagu Tagore. Jika ia bertema patriotik, terasa sekali semangat motivasi itu. Begitu juga romantik. Lagu Tagore juga pernah diangkat sebagai lagu patriotik terbaik. Tak percaya, dengar sendiri lagunya," kata Ranjita.

Jol Porey, Pata Norey adalah lagu puisi pertama yang dihasilkan Tagore ketika usianya baru lapan tahun. Nyata, apa saja keindahan yang terpampang di matanya boleh dijadikan satu nukilan puisi indah kerana ketika itu beliau melihat daun berguguran jatuh dan dirasakan begitu menenangkan jiwanya.







ORANG Bengalee
hebat dalam tarian.